

## Press Clipping

# Ekonomi | 21 **Utusan** MALAYSIA

## Kompleks Kastam PKA diambil alih

PELABUHAN KLANG 31 Jan. – Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), pemilik Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) hari ini menyerahkan kompleks kastam kepada Kastam Diraja Malaysia bagi membolehkan penguatkuasaan peraturan kastam dilaksanakan di kawasan zon bebas itu.

Berkuat kuasa esok, pihak kastam diberi tanggungjawab memantau aktiviti pengilangan dan komersial di zon itu agar tidak berlaku penyalahgunaan dan penyelewengan ke atas kemudahan yang diberikan.

Kompleks kastam dua tingkat itu, yang merupakan salah satu komponen projek (PKFZ), juga menyediakan kemudahan ruang pejabat, 10 buah kaunter dan bilik pengimbas.

Ia juga akan menempatkan pelbagai jabatan kerajaan yang lain pada masa hadapan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Perkhidmatan Farmaseutikal, Imigresen dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

PKFZ, yang terletak di Pulau Indah dekat sini, adalah zon bebas perindustrian dan komersial bersepadu sepenuhnya yang membolehkan aktiviti komersial dan pembuatan dijalankan serentak.

“Penyalahgunaan seperti ini boleh berlaku di mana-mana (zon bebas). Kita tidak mahu kejadian tidak diingini ini berlaku kerana ia boleh menjejaskan ekonomi negara,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar PKFZ, Noel Gulliver menyatakan PKFZ tidak akan membiarkan pelanggaran peraturan aktiviti dan akan mengambil tindakan tegas untuk menghentikan aktiviti mereka yang berbuat demikian.

– Bernama